

Peraduan esei untuk pelajar sekolah, IPT

KUALA LUMPUR: Yayasan Kepimpinan Perdana menganjurkan peraduan mengarang esei bertema 'Menyemai Pemikiran Generasi Akan Datang' yang terbuka kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) sehingga 31 Disember depan.

Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Mohamed Nik Yaacob, berkata matlamat utama penganjuran peraduan berkenaan adalah untuk mengasah bakat pelajar sekolah dan IPT dalam menulis esei bercorak analisis.

"Melalui peraduan ini, generasi muda kita akan lebih menghargai sejarah pembangunan negara, selain dapat menajamkan pemikiran dan meningkatkan ilmu pengetahuan mereka," katanya yang menjelaskan penganjurannya juga selaras dengan sambutan Hari Kemerdekaan ke-49, baru-baru ini.

Beliau berkata, peraduan berkenaan terbahagi kepada tiga kategori termasuk menengah rendah (tingkatan satu hingga tiga), menengah atas (tingkatan empat hingga lima) dan pelajar IPT.

"Setiap kategori akan diberi tajuk esei berlainan bergantung kepada kesesuaian. Malah, penulisan boleh dibuat dalam dua versi pilihan iaitu Melayu dan Inggeris.

"Bagi kategori menengah rendah mereka perlu menyiapkan esei mengenai salah seorang Perdana Menteri Malaysia dan sumbangan tokoh itu kepada negara. Esei berkenaan perlu mengandungi 700 hingga 1,000 patah perkataan," katanya.